



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 06 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Mahkamah tolak rayuan bekas penghantar makanan rogol kanak-kanak https://www.sinarharian.com.my/article/678699/berita/semasa/mahkamah-tolak-rayuan-bekas-penghantar-makanan-rogol-kanak-kanak#google_vignette https://thesun.my/cerita/berita/mahkamah-tolak-rayuan-bekas-penghantar-makanan-rogol-kanak-kanak-MK12819041#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1280836/mahkamah-tolak-rayuan-perogol-kanak-kanak-di-hotel-bajet https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2325642 https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/rogol-kanak-kanak-mahkamah-rayuan-kekalkan-hukuman-penghantar-barang/ https://malaysiagazette.com/2024/08/05/hukuman-penjara-18-tahun-10-sebatan-ke-atas-perayu-rogol-kanak-kanak-kekal/	Sinar Harian The Sun Berita Harian Bernama Utusan Malaysia Gazette	Neutral
2.	Kanak-kanak 12 tahun pandu kereta: Polis masih lengkapkan kertas siasatan https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-12-tahun-pandu-kereta-polis-masih-lengkapkan-kertas-siasatan/	Buletin TV3	Neutral

3.	<p>Usaha naik taraf profesionalisme pengasuh taska – PPBM</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119149/usaha-naik-taraf-profesionalisme-pengasuh-taska-ppbm#google_vignette</p>	Harian Metro	Neutral
4.	<p>Wanita warga emas ditemui hampir rentung atas katil terbakar</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281015/wanita-warga-emas-ditemui-hampir-rentung-atas-katil-terbakar</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/678742/berita/semasa/wanita-ditemui-rentung-bilik-terbakar</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119275/wanita-rentung-dalam-bilik-apartmen</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kediaman-terbakar-wanita-melecur-60-peratus</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/08/05/mayat-wanita-hampir-rentung-hanya-katil-dan-tilam-terbakar/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-rentung-dalam-bilik-tidur/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
5.	<p>Polis kesan wanita hilang selepas cari kerja di Kuala Lumpur</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/678659/berita/semasa/polis-kesan-wanita-hilang-selepas-cari-kerja-di-kuala-lumpur</p>	Sinar Harian	Neutral
6.	<p>Wanita rugi lebih RM100 ribu terpedaya ‘labur RM1,500 untung RM75,000’</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/wanita-rugi-lebih-rm100-ribu-terpedaya-labur-rm1500-untung-rm75000-NK12818151</p>	The Sun	Neutral

	https://www.buletintv3.my/nasional/kerana-mahukan-rm75000-wanita-kerugian-rm117000/ https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2325592	Buletin TV3 Bernama	
7.	Suri rumah hilang hampir RM145,000 akibat pelaburan tidak wujud https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/08/1280844/suri-rumah-hilang-hampir-rm145000-akibat-pelaburan-tidak-wujud	Berita Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MAHKAMAH TOLAK RAYUAN BEKAS PENGHANTAR MAKANAN ROGOL KANAK-KANAK

PUTRAJAYA - Seorang bekas penghantar barang kekal dipenjara 18 tahun dan 10 sebatan selepas Mahkamah Rayuan di sini pada Selasa minggu lalu, menolak rayuannya berhubung kesalahan merogol murid perempuan tahun enam, pada 2020 lalu.

Panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim memutuskan demikian selepas sebulat suara mendapati, tiada justifikasi untuk Mahkamah Rayuan mengganggu perintah hukuman terhadap Muhamad Nur Hidayat Md Selliman, 31.

Menerusi keputusan penghakiman yang dimuat naik dalam sistem kehakiman dan diperoleh media pada Isnin, Hakim Datuk Azmi Ariffin berkata, sebelum ini Muhamad Nur Hidayat selaku perayu, memohon agar hukuman pemenjaraan dan sebatan dikurangkan.

Menerusi perspektif yang berbeza, beliau berkata, sudah terang lagi bersuluh, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf apabila mengenakan hukuman itu terhadap perayu.

Menurutnya, semasa kejadian rogol itu berlaku, mangsa merupakan seorang murid tahun enam, sementara perayu berusia 27 tahun.

Katanya, perayu mengambil kesempatan ke atas budak perempuan sekecil ini untuk melampiaskan nafsu, tanpa sedikit pun merasa bersalah atau simpati.

“Pada hemat kami, perayu sebagai seorang yang dewasa dan matang pemikirannya, pasti dapat memikirkan, perbuatan liarnya itu akan berakhir dengan kemudaratan dan bencana pada diri sendiri.

“Lebih menyedihkan, ia telah mencemar kesucian, kehormatan dan maruah mangsa,” katanya yang turut bersidang bersama seorang lagi hakim, Datuk Azman Abdullah.

Susulan itu Ahmad Zaidi berkata, keinsafan yang dizahirkan oleh perayu kepada mahkamah, sudah tidak bernilai umpama peribahasa, ‘nasi sudah pun menjadi bubur’ dan ‘terlajak perahu boleh di undur, terlajak perbuatan buruk padahnya’.

Katanya, mahkamah juga mengambil maklum mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini semakin membimbangkan dan kerap dilaporkan di media sosial sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menurutnya, kesalahan serius yang dilakukan oleh perayu, perlu dikenakan hukuman setimpal dengan perbuatan kejinya itu bagi melindungi golongan kanak-kanak daripada sering menjadi mangsa jenayah seksual.

Beliau berkata, hukuman yang ‘keras’ ini bukan sahaja berbentuk pencegahan kepada perayu malah sebagai peringatan buat orang awam bagi menunjukkan keseriusan mahkamah dalam membanteras jenayah jijik itu daripada berterusan.

“Perayu sebelum ini memohon agar hukuman ringan dikenakan terhadapnya kerana mengaku sesal atas perbuatan yang dilakukannya dan memberi akujanji tidak akan mengulanginya semula.

“Bagaimanapun, mahkamah menolak rayuannya dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen dan kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan,” katanya.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan (ketika kejadian) berusia 11 tahun 11 bulan, di sebuah hotel bajet, pada jam 2.30 petang, 20 November 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 376(2)(e) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun serta sebat, jika sabit kesalahan.

Pada 21 Disember 2022, Mahkamah Sesyen Batu Pahat, Johor mendapati dia bersalah dan dihukum penjara 18 tahun bermula tarikh 16 Disember tahun sama dan 10 sebatan.

Dia juga diperintahkan menjalani kaunseling pemulihan (ketika menjalani hukuman pemenjaraan) dan diletakkan bawah pengawasan polis selama dua tahun (selepas selesai hukuman penjara).

Pada 22 Ogos 2023, Hakim Mahkamah Tinggi Muar menolak rayuannya dan mengekalkan perintah sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah rendah.

Rayuan terakhirnya dibuat pada tahun sama, lelaki itu telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap hukuman sahaja, iaitu memohon hukuman pemenjaraan dan sebatan dikurangkan.

KANAK-KANAK 12 TAHUN PANDU KERETA: POLIS MASIH LENGKAPKAN KERTAS SIASATAN



PETALING JAYA: Polis masih lagi melengkapkan kertas siasatan berhubung kes tular seorang bapa yang membiarkan anaknya memandu kenderaan dan membawa dua lagi adiknya di kawasan Taman Putra Impiana di Puchong.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Mamat berkata, kertas siasatan akan dilengkapkan sebelum diserahkan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya.

“Belum (pendakwaan). Polis sedang melengkapkan kertas siasatan untuk dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya, jawabnya ringkas ketika dihubungi Buletin Tv3 hari ini.

3 Ogos lalu, Wan Kamarul menyatakan bapa dan kanak-kanak berusia 12 tahun itu bakal didakwa atas kesalahan berkenaan.

Sebelum ini, tular satu rakaman video menyaksikan kanak-kanak berkenaan memandu kereta Perodua Viva yang turut membawa dua adiknya, masing-masing berusia empat dan enam tahun sekitar jam 8 malam.

Kejadian pada 29 Julai lalu turut menarik perhatian seorang wanita yang mengarahkan kanak-kanak tersebut memberhentikan kenderaan ekoran pemanduan yang agak laju di sekitar kawasan perumahan.

Setakat ini, polis telah merakam keterangan tujuh individu termasuk bapa kanak-kanak berusia 57 tahun itu yang juga merupakan seorang peniaga.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-kanak 2001 serta Seksyen 39(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

USAHA NAIK TARAF PROFESIONALISME PENGASUH TASKA – PPBM



Kuala Lumpur: Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) kini sedang menuju ke arah memprofesionalkan kerjaya pengasuh taman asuhan kanak-kanak (taska) di negara ini.

Penasihat PPBM, Anisa Ahmad berkata, perkara ini bukan sahaja bagi meningkatkan cara kerja mereka, tetapi turut menaik taraf tugas pengasuh taska berkenaan.

Menurutnya, tindakan itu dibuat disebabkan masih terdapat pihak yang memandang rendah tugas pengasuh taska.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) termasuk PPBM nak mewajibkan kursus tertentu (kepada pengasuh) yang perlu dihadiri oleh mereka.

"Selain daripada kursus yang ada, kita juga menggalakkan mereka mengambil sijil atau diploma kemahiran. Ini disebabkan kadang kala mereka tidak mampu nak pergi

institusi pengajian tinggi untuk menyambung ke peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.

"Jadi, kita galakkan mereka pergi ke kemahiran kerana mereka sudah lama bekerja. Rugi kalau tidak naik taraf (pendidikan) mereka," katanya ketika dihubungi Harian Metro, hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Noraini Ahmad dipetik berkata, pengusaha taska digalakkan untuk menghantar pengasuh di bawah kelolaan mereka untuk menjalani latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran dalam penjagaan bayi dan kanak-kanak.

Menurutnya, perkara itu penting dalam memastikan pengasuh berupaya menghadapi cabaran masa kini yang memerlukan pendekatan berbeza dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Mengulas lanjut, Anisa berkata, antara kursus yang dicadangkan seperti kursus perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

"Di mana mereka mengetahui tentang aspek perundangan, keselamatan kanak-kanak, penderaan dan ruang selamat untuk kanak-kanak.

"Selepas itu, kita juga akan ada kursus saringan, intervensi dan simulasi awal kanak-kanak. Tujuannya agar pengasuh ini membuat saringan awal (terhadap kanak).

"Ini disebabkan kita dapat kanak-kanak ini ketika mereka berusia tiga bulan dan kita orang pertama yang boleh menilainya. Contohnya, saringan sama ada kanak-kanak ini tipikal atau berkeperluan khas," katanya.

Katanya, dengan adanya kursus ini, perkembangan kanak-kanak itu boleh dipantau sama ada ia selari atau tidak dengan mereka.

"Kita buat pemantauan dan senarai semak sama ada kanak-kanak ini ikut atau sebaliknya. Bila tak ikut sahaja, kita akan maklumkan kepada ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab untuk berjumpa dengan pakar," katanya.

WANITA WARGA EMAS DITEMUI HAMPIR RENTUNG ATAS KATIL TERBAKAR



Mayat wanita warga emas ditemui hampir rentung dalam kebakaran di sebuah apartmen di Taman Paramount, Petaling Jaya, hari ini. - Foto ihsan Bomba

KUALA LUMPUR: Seorang wanita warga emas ditemui hampir rentung di atas katil dalam kebakaran di sebuah apartmen di Taman Paramount, Petaling Jaya, dekat sini, hari ini.

Ketua Zon 2 Petaling, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Penguasa Kanan Bomba 1 Wan Syariman Wan Saleh, berkata pihaknya menerima maklumat berhubung kebakaran itu pada jam 5.42 petang.

Susulan itu, katanya, sepasukan 10 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Damansara bergegas ke lokasi sebelum mendapati berlaku kebakaran di sebuah unit kediaman di tingkat satu apartmen lima tingkat berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kebakaran itu hanya berlaku dalam sebuah bilik berkeluasan 10 x 50 kaki persegi di unit kediaman berkenaan tanpa membabitkan ruang lain.

"Kebakaran hanya berlaku pada katil dan tilam di dalam bilik itu dan tidak membabitkan struktur bangunan.

"Mayat seorang wanita ditemui dalam keadaan terbakar kira-kira 60 peratus di atas katil berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mangsa dikenal pasti sebagai seorang wanita tempatan berusia 62 tahun dan dipercayai bersendirian di rumah ketika kejadian.

"Pihak polis sedang menjalankan siasatan berhubung punca kematian. Pasukan forensik bomba juga berada di lokasi untuk siasatan lanjut berkaitan punca kebakaran," katanya.

POLIS KESAN WANITA HILANG SELEPAS CARI KERJA DI KUALA LUMPUR



TELUK INTAN - Polis meminta bantuan orang ramai bagi mengesan seorang wanita yang dilaporkan hilang sejak April lalu.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kehilangan Nur Asyikin Abd Rahim, 29, pada 1 Ogos lalu yang dibuat ibunya.

Menurutnya, lokasi terakhir wanita tersebut dilihat keluar dari rumahnya di Kebun Limau, Kampung Bahagia, Teluk Intan.

"Wanita ini telah keluar dari rumah ibunya di Teluk Intan dan tidak dapat dihubungi sejak bulan April lalu.

"Dia memaklumkan kepada keluarganya mahu pergi ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ahmad Adnan berkata, ibu wanita berkenaan juga memaklumkan tiada perselisihan faham berlaku antara mereka mahupun ahli keluarga yang lain.

Sehubungan itu, beliau meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan wanita tersebut untuk tampil ke mana-mana balai polis berhampiran.

Menurutnya, orang ramai juga boleh terus menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Hilir Perak di talian 05-6299222.

Menurutnya, sepanjang remaja tersebut dilaporkan hilang, dia berada di rumah rakannya di Teluk Intan dan punca tindakannya itu disebabkan merajuk dengan ibunya.

WANITA RUGI LEBIH RM100 RIBU TERPEDAYA 'LABUR RM1,500 UNTUNG RM75,000'

IPOH: Seorang wanita Berusia 57 tahun dari Taiping berputih mata apabila kerugian RM117,375 selepas terpedaya skim pelaburan tidak wujud menerusi aplikasi Telegram, bulan lepas.

Ketua Polis Daerah Taiping ACP Mohamad Nasir Ismail berkata pihaknya menerima laporan dari bekas pekerja kilang itu pada 12 tengah hari semalam selepas menyedari dirinya ditipu oleh skim pelaburan dikenali sebagai 'Pelaburan ASNB Investment Malaysia'.

Katanya hasil siasatan awal mendapati mangsa melayari laman sesawang melalui klik pautan di Telegram apabila melihat satu iklan mengenai pelaburan semasa berada di rumahnya pada 16 Julai lalu.

"Mangsa diterangkan oleh suspek berkaitan pelaburan tersebut yang menawarkan keuntungan lumayan sebanyak RM75,000 dengan bermodalkan RM1,500 sahaja. Mangsa dijanjikan boleh memperoleh keuntungan dalam tempoh masa tiga hingga enam jam sahaja.

"Selain itu, modal dan keuntungan yang diperolehi akan dimasukkan terus ke dalam akaun mangsa. Setelah diberikan penerangan, mangsa berminat untuk melabur dan telah menekan satu pautan yang diberikan suspek," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohamad Nasir berkata mangsa melakukan pindahan wang ke dalam sembilan akaun bank berbeza sebanyak sembilan transaksi dalam tempoh seminggu sejak 16 Julai lalu membabitkan jumlah keseluruhan RM117,375.

Bagaimanapun selepas membuat pembayaran, mangsa masih tidak mendapat pulangan serta keuntungan seperti yang dijanjikan.

"Mangsa juga tidak dapat mengeluarkan wang modal dari platform tersebut kerana disekat oleh suspek. Ekoran itu, mangsa mengesyaki dirinya ditipu dan membuat

satu laporan polis. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana kesalahan menipu," katanya.

SURI RUMAH HILANG HAMPIR RM145,000 AKIBAT PELABURAN TIDAK WUJUD

KUANTAN: Seorang suri rumah di Jerantut kerugian RM144,750 selepas terpedaya dengan skim pelaburan tidak wujud.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata mangsa berusia 44 tahun berminat menyertai pelaburan melalui aplikasi Telegram pada 21 Julai lalu.

Katanya, mangsa mula melabur sejumlah RM1,000 dan memperolehi pulangan berjumlah RM30,000 dalam tempoh singkat seperti yang dijanjikan suspek.

"Selepas itu, suspek mengarahkan mangsa membuat bayaran wang proses untuk menebus hasil pelaburan itu.

"Sepanjang tempoh bermula dari 21 Julai lalu hingga kelmarin, mangsa melakukan 21 transaksi kepada 13 akaun bank yang diberikan suspek.

"Mangsa mula menyedari ditipu selepas gagal mengeluarkan wang keuntungan pelaburan berkenaan. Siasatan mendapati sumber kewangan adalah daripada wang simpanan mangsa.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, Yahaya menasihati orang ramai sentiasa berwaspada dengan sindiket pelaburan tidak wujud dan jangan mudah terpengaruh dengan skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan yang lumayan.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima dipautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.